

Bank Negara kekal kadar OPR 3.25 peratus

Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.25 peratus.

BNM dalam satu kenyataan, berkata ekonomi dunia terus berkembang walaupun prestasi pertumbuhan merentas negara adalah berbeza dan terdapat tanda-tanda momentum pertumbuhan yang semakin perlahan. Bank pusat berkata, pertumbuhan ekonomi maju terus disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang kukuh dan sokongan dasar yang dilaksanakan.

"Di Asia, pertumbuhan akan disokong oleh aktiviti dalam negeri dan permintaan luaran yang mampan. Walaupun prestasi semasa ekonomi global adalah mampan, risiko terhadap pertumbuhan semakin meningkat.

"Ketegangan perdagangan terus menjadi punca utama terhadap

risiko pertumbuhan yang lebih perlahan.

"Ketidaktentuan dalam pasaran kewangan antarabangsa dan langkah mengembalikan dasar monetari ke tahap wajar oleh negara maju boleh mengakibatkan aliran keluar modal yang berterusan dan pelarasan pasaran kewangan dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun," katanya.

BNM berkata, bagi Malaysia, gangguan bekalan yang dihadapi sektor perlombongan dan pertanian menyebabkan pertumbuhan ekonomi lebih sederhana pada suku kedua 2018.

Katanya, dari segi permintaan, pertumbuhan terus disokong oleh kegiatan sektor swasta serta rangsangan tambahan daripada eksport bersih.

"Pada masa akan datang, penggunaan swasta yang dirangsang oleh langkah pelepasan cukai akan terus

didorong oleh kenaikan berterusan dalam upah dan guma tenaga.

"Aktiviti pelaburan dijangka didorong oleh pengembangan berterusan kapasiti pengeluaran dalam sektor utama khususnya industri berorientasikan eksport. Ia didorong oleh permintaan serta usaha meningkatkan automasi," katanya.

Kesan perbelanjaan awam

Bagaimanapun, bank pusat itu berkata, perbelanjaan sektor awam dijangka memberi kesan terhadap pertumbuhan, sehubungan dengan langkah kerajaan untuk menyusun semula perbelanjaannya mengikut keutamaan.

"Dalam masa terdekat, ekonomi negara berdepan risiko pertumbuhan lebih perlahan akibat daripada ketegangan perdagangan yang semakin ketara, prestasi lemah sektor perlombongan dan

pertanian yang berlarutan serta ketidakpastian berhubung beberapa pa dasar dalam negeri.

"Namun, secara keseluruhan, ekonomi negara diunjurkan berada pada landasan pertumbuhan yang kukuh," katanya.

BNM berkata, inflasi keseluruhan pada Julai lalu. Pada bulan seterusnya tahun ini dan 2019, inflasi keseluruhan dijangka meningkat sedikit selepas mengambil kira kesan pelaksanaan langkah dasar terhadap faktor kos dalam negeri.

"Namun, kesan pelaksanaan dasar cukai penggunaan baru ini ke atas inflasi keseluruhan adalah bersifat sementara dan akan lupt menjulang akhir 2019. Inflasi asas pula dijangka kekal stabil secara relatif.

"Sejajar dengan perkembangan ekonomi serantau, pasaran kewangan negara terus mencatat aliran

keluar portfolio bukan pemastautin berikutan perkembangan global semasa. Namun begitu, pasaran kewangan domestik terus berdaya tahan dengan keadaan kewangan dan monetari terus menyokong pertumbuhan ekonomi," katanya.

Mengulas lanjut, katanya sektor kewangan kekal teguh, dengan insiditi kewangan terus beroperasi berlandaskan penampungan modal dan mudah tunai yang kukuh.

"Selain itu, asas ekonomi dalam negeri terus mantap, seperti ditunjukkan oleh pertumbuhan ekonomi yang kukuh, kadar pengangguran rendah dan lebih akaun semasa dalam imbalan pembayaran.

"Pada kadar semasa OPR, tahap akomodatif dasar monetari sejajar dengan pendirian dasar yang ditetapkan. MPC akan terus memantau dan menilai imbalan risiko berhubung prospek pertumbuhan domestik dan inflasi," katanya.